

POLISI LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA

SYARAT PERMOHONAN LESEN HAKIM MEMANAH

1. Syarat permohonan Lesen Kehakiman Memanah ini adalah seperti berikut:
 - a. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia bertauliah sebagai International Judge (IJ), International Judge Candidate (IJC), Continental Judge (CJ), National Judge (NJ) dan State Judge (SJ).
 - b. Telah mendaftar dan kemaskini maklumat di database Hakim Memanah NAAM di pautan <https://masarchery.org/maklumat-hakim-naam/>.

YURAN PENDAFTARAN

2. Yuran pendaftaran Lesen Hakim Memanah Malaysia adalah sebanyak RM 50.00 sahaja dan sah laku (validity) sehingga 31 Disember 2024.
3. Yuran pendaftaran bagi permohonan baru selepas 01 Januari 2022 akan ditetapkan kemudian oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
4. Pembayaran yuran RM 50.00 dibuat ke akaun berikut:

PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MSIA RHB BANK NO AKAUN : 2123 30000 11935	Makumat Tambahan: <ul style="list-style-type: none">• RECIPIENT REFERENCE : Sila masukkan nama pemohon.• OTHER PAYMENT DETAILS : Lesen Hakim Memanah
Sila whatsapp slip pembayaran ke 012-3077023 atau e-mail naam.judging@gmail.com .	

5. Setiap pemohon yang berbayar akan menerima LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA peribadi bersaiz Kad ATM / Kredit yang dikeluarkan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
6. Sila buat pembayaran sebelum 30 SEPTEMBER 2021. Kad LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA akan mula diagihkan selepas pada tarikh tersebut.

TEMPOH PERLAKSANAAN

7. Proses pendaftaran dan tempoh perlaksanaan adalah seperti berikut:
- a. Sehingga 30 September 2021 - Tempoh pendaftaran LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA.
 - b. 01 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2021 - Semua kejohanan memanah **DIGALAKKAN** menggunakan khidmat Hakim Memanah yang berlesen.
 - c. Selepas 01 Januari 2022 - Semua kejohanan memanah **DIWAJIBKAN** menggunakan khidmat Hakim Memanah yang berlesen.

POLISI LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA

8. Mulai 01 Januari 2022, semua kejohanan dan pertandingan memanah peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah hingga ke peringkat Kelab **DIWAJIBKAN** menggunakan khidmat Hakim-hakim Memanah yang berlesen.
9. Komposisi kehakiman mengikut tahap kejohanan adalah seperti berikut:
- a. Peringkat Temasya (Sukan Malaysia):
 - i. Technical Delegate (TD) - National Judge.
 - ii. Juri - National Judge.
 - iii. COJ - Continental Judge / COJ Bertauliah;
 - iv. DoS - National Judge / DOS bertauliah.
 - v. Hakim - National Judge.
 - b. Peringkat Kebangsaan:
 - i. Competition Manager - National Judge.\
 - ii. Juri - National Judge
 - iii. COJ - Continental Judge / COJ Bertauliah;
 - iv. DoS - National Judge / DOS bertauliah.
 - v. Hakim - National Judge.

c. Peringkat Negeri :

- | | | |
|------------|---|----------------------------------|
| i. COJ | - | National Judge / COJ Bertauliah. |
| ii. DoS | - | State Judge / DOS bertauliah. |
| iii. Hakim | - | State Judge. |

d. Peringkat Daerah / Kelab:

- | | | |
|------------|---|-------------------------------|
| i. COJ | - | State Judge. |
| ii. DoS | - | State Judge / DOS bertauliah. |
| iii. Hakim | - | State Judge. |

10. Syarat ini akan dinyatakan dengan jelas oleh NAAM dan perlu dipatuhi semasa permohonan penganjuran pertandingan kepada pihak Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

11. Sekiranya kejohanan memanah selepas 01 Januari 2022 tidak menggunakan khidmat hakim memanah berlesen, NAAM tidak akan memberi pengiktirafan atau ‘sanction’ terhadap kejohanan tersebut.

12. Di antara implikasinya:

- a. Sebarang rekod kejohanan tidak akan diiktiraf;
- b. Pihak insurans tidak dapat memproses sebarang tuntutan sekiranya berlaku kemalangan terhadap jiwa dan/atau harta benda semasa kejohanan berlangsung.
- c. Tertakluk kepada siasatan oleh Jawatankuasa Tataterib NAAM, penganjur boleh di senarai hitam (blacklist) oleh NAAM.

13. Chairperson of Judges' Committee (COJ) kejohanan akan diberi tanggungjawab untuk memantau dan menilai prestasi hakim-hakim yang bertugas. Borang Penilaian Prestasi Hakim Memanah adalah seperti dilampirkan.


14. Setiap hakim yang menerima LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA dikehendaki sentiasa menjaga etika dan imej sebagai seorang Hakim Memanah sepertimana diperincikan di World Archery Rulebook 1; Appendix 2 – Code of Ethics and Conduct.

15. Tempoh sah laku LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA adalah sehingga 31 Disember 2024. Lesen hanya akan diperbaharui sekiranya:
 - a. Telah menyertai sekurang-kurangnya 3 kejohanan / pertandingan memanah dalam tempoh tersebut samada sebagai Technical Delegate, Competition Manager, CoJ, DOS, Hakim, Venue Manager dan Statistik; dan,
 - b. Bergiat aktif dalam penyertaan Kursus Refresher atau Bengkel yang dianjurkan oleh NAAM sekurang-kurangnya setahun sekali.
16. Sekiranya perenggan 15 tidak dipenuhi, lesen tidak akan diperbaharui dan perlu menghadiri semula Kursus Kehakiman Memanah Kebangsaan (bagi Hakim Kebangsaan) atau Kursus Kehakiman Memanah Negeri (bagi Hakim Negeri) bagi tujuan pengaktifan semula lesen.
17. Lesen ini hendaklah dibawa semasa kejohanan memanah untuk tujuan pengesahan, merekod dan pemantauan prestasi oleh CoJ yang bertugas.
18. Lesen ini akan ditarik balik atau terbatal sekiranya:
 - a. Dilaporkan oleh CoJ telah melanggar etika dan kelakuan (Ethics and Conduct) sebagai seorang Hakim Memanah;
 - b. Dikenakan tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib NAAM; dan,
 - c. Disabitkan dengan kesalahan jenayah.
19. LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA akan mempunyai QR Code yang unik untuk setiap pemegang kad. QR Code tersebut mengandungi butiran peribadi dan hendaklah sentiasa disimpan dengan selamat oleh pemegang kad.
20. Database Hakim Memanah Berlesen akan diwujudkan dan dimuatnaik ke lawan web rasmi NAAM <https://masarchery.org/> bagi tujuan:
 - a. Membantu Ahli-ahli Gabungan NAAM mengenalpasti dan merancang pembangunan / penugasan Hakim-hakim Memanah di bawah naungan.
 - b. Memudahkan penganjur-penganjur kejohanan di pelbagai peringkat untuk melantik Hakim-hakim Memanah yang bertauliah dan diiktiraf oleh NAAM.

PENUTUP

21. Di antara tujuan utama perlaksanaan LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA ialah untuk memartabatkan dan menaikkan imej Hakim Memanah Malaysia.
22. Disamping itu juga untuk meningkatkan mutu kehakiman dengan harapan agar lebih ramai Hakim Memanah Kebangsaan layak ke peringkat antarabangsa.
23. Database Hakim Memanah Berlesen mengikut Negeri / Ahli Gabungan akan diwujudkan dan dimuatnaik ke website rasmi NAAM. Ini bertujuan untuk memudahkan Ahli-ahli Gabungan dan pengajur kejohanan melantik kepegawaian kejohanan yang bertauliahan.
24. Sehubungan dengan ini, pihak NAAM menyarankan agar semua Hakim-hakim memanah yang bertauliahan dari tahap International hingga tahap State Judge, untuk mendaftar dan memperoleh LESEN HAKIM MEMANAH MALAYSIA ini.
25. NAAM juga memohon Ahli-ahli Gabungan untuk memaklumkan dan membantu agar Hakim-hakim Memanah di bawah naungan masing-masing untuk memohon Lesen Hakim Memanah ini.
26. NAAM berharap agar dengan perlesenan Hakim Memanah ini akan dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan mutu pengadilan di kejohanan-kejohanan memanah yang bakal dianjurkan kelak.

Sekian, terima kasih.



DATO' HJ ABDUL HAMID BIN HJ HASAN
Presiden
Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia



MEJAR HJ AMIR SUHARMAN BIN ADNAN (Bersara)
Pengerusi
Jawatankuasa Kehakiman Memanah Kebangsaan
Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia

15 Jun 2021



Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI HAKIM MEMANAH

NAMA :		NO KP:		NO HP:	
TAHAP KEHAKIMAN (SILA v)			PENUGASAN SEBAGAI (SILA v)		
<input type="checkbox"/> CONTINENTAL JUDGE	<input type="checkbox"/> NATIONAL JUDGE	<input type="checkbox"/> STATE JUDGE	<input type="checkbox"/> DIRECTOR OF SHOOTING (DOS)	<input type="checkbox"/> LINE/ TARGET JUDGE	<input type="checkbox"/> LAIN2
NAMA KEJOHANAN					
TARIKH MULA : HINGGA :		LOKASI		PENGANJUR	
STATUS KEJOHANAN (SILA v)					
<input type="checkbox"/> KEBANGSAAN	<input type="checkbox"/> NEGERI	<input type="checkbox"/> DAERAH	<input type="checkbox"/> KELAB	<input type="checkbox"/> LAIN2	
PENILAIAN	HURAIAN ELEMEN	MARKAH		CATATAN	
1. KEHADIRAN	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kehadiran mengikut masa yang ditetapkan. ▪ Keberadaan sepanjang perjalanan pertandingan walaupun semasa tidak bertugas. ▪ Kehadiran awal sebelum waktu mula tugas. 	1 / 2 / 3 / 4 / 5			
2. KEMASAN PAKAIAN	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemakaian mengikut ketetapan COJ/Penganjur. ▪ Kemasan pakaian semasa menjalankan tugas. ▪ Kesesuaian pakaian (tidak memakai jeans, selipar). 	1 / 2 / 3 / 4 / 5			
3. KELENGKAPAN PERALATAN HAKIM	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Persediaan kelengkapan peribadi utk menjalankan tugas secara efektif. ▪ Mempunyai kelengkapan cukup untuk menjalankan tugas secara efektif. ▪ Mempunyai pengetahuan secukupnya untuk menggunakan kelengkapan secara efektif. 	1 / 2 / 3 / 4 / 5			
4. MAKLUMAT & PENGETAHUAN	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ketepatan penilaian & keputusan yang diambil semasa bertugas. ▪ Perkongsian maklumat berkaitan kehakiman, undang-undang dan keputusan diambil semasa perbincangan bersama atau bertugas di padang. ▪ Kesesuaian penerapan pengetahuan ketika menjalankan tugas atau perkongsian semasa perbincangan. 	1 / 2 / 3 / 4 / 5			
5. DISIPLIN ATAS PADANG	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perlakuan dan tingkah laku bersesuaian dengan tugas semasa tugas dijalankan. ▪ Tindakan dan kelakuan peribadi semasa menjalankan tugas serta semasa berada di luar tugas semasa pertandingan berlangsung. 	1 / 2 / 3 / 4 / 5			
KRITERIA PERMARKAHAN : 1 - GAGAL SEMUA ELEMEN 2 - LEMAH 3 - SEDERHANA 4 - BAIK 5 - CEMERLANG			JUMLAH SKOR / 25	PURATA SKOR	
KOMEN COJ					
TANDATANGAN COJ		TANDATANGAN TD / CM		TANDATANGAN JK KEHAKIMAN	
NAMA : TARIKH :		NAMA : TARIKH :		NAMA : TARIKH :	
Borang Laporan Prestasi ini adalah SULIT & PERSENDIRIAN. Borang yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh CoJ dan TD/CM hendaklah dikembalikan ke JK Kehakiman Memanah NAAM melalui whatsapp ke nombor 019-7718334 atau e-mail ke naam.judging@gmail.com dalam masa 7 hari selepas kejohanan.					

Borang ini boleh dimuat turun melaui pautan:

<https://drive.google.com/file/d/1wtkjEvfK6cT-F7jEPI-cszZRL9picEGr/view?usp=sharing>